

Witchcraft ungguli RLIR 2024

20 Januari 2024, 6:13pm



Foto ihsan Regatta Diraja Antarabangsa Langkawi (RLIR) 2024.

LANGKAWI: Pasukan Witchcraft dari Hong Kong yang dikemudi Nick Burns, muncul juara baharu bagi kelas utama – Racing, Perlumbaan Regatta Diraja Antarabangsa Langkawi (RLIR) 2024 yang berakhir hari ini.

Sepanjang lima hari perlumbaan, Witchcraft mendominasi 10 perlumbaan berturut-turut untuk membawa pulang trofi Cabaran Perdana Menteri.

Aksi konsisten pasukan itu diteruskan pada kedua-dua perlumbaan yang berlangsung hari ini di perairan timur Langkawi bagi meletakkan mereka berada di puncak kedudukan keseluruhan dengan sembilan mata penalti.

Pasukan dari Kelab Perahu Layar Diraja Selangor (RSYC), The Next Facto diketuai Rolf Heemskerk muncul naib juara dengan 18 mata penalti manakala Uranus (Tentera Laut Diraja Malaysia, Hasani Hassan, 27 mata) ketiga.

Menurut Burns, dia sangat gembira dengan semua perlumbaan yang dipertandingkan, malah Witchcraft berjaya memulakan perlumbaan pertama hingga ke-10 dengan baik berikutan cuaca baik dan angin kencang.

“Ini adalah regatta terbaik dan memperoleh kejayaan pada awal tahun pasti memberi motivasi sepanjang tahun ini. Angin kencang dan bertindak pantas mengeksplorasi kelebihan itu menjadi rahsia kejayaan kami,” katanya di sini.

Pasukan RSYC Team diketuai Rizal Mahadi Sazili mengharumkan nama negara apabila muncul juara kelas Sportsboats selepas mengutip 11 mata penalti, mengatasi Navy 1 (Asmawi Azman, 20 mata) di tempat kedua.

Tempat ketiga untuk kelas perlumbaan itu menjadi milik pasukan Universiti Malaysia Terengganu 1 (UMT 1) diketuai Ku Anas Ku Zamil juga dengan catatan 20 mata.

Pada edisi ke-20 kali ini, sebanyak 32 bot membabitkan 240 pelayar dari seluruh dunia berentap merebut gelaran dalam enam kelas iaitu Racing, IRC1, IRC2, Super Boats, Multihull dan Club Class.

